



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 63  
No. 19

**12hb September 2019**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

*LOCAL GOVERNMENT ACT 1976*

**No. 954.**

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG  
SENARAI NILAIAN BARU TAHUN 2020

*CITY COUNCIL OF PENANG ISLAND  
NEW VALUATION LIST YEAR 2020*

Menurut peruntukan seksyen 137 dan subseksyen 141(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan ini memberitahu bahawa satu Senarai Nilai Baru tahun 2020 telah disediakan dan salinannya sekarang ini boleh diperiksa pada waktu pejabat di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Paras 12, KOMTAR, 10675 Pulau Pinang.

*Pursuant to the provisions of section 137 and subsection 141(1) of the Local Government Act 1976 [Act 171], notice is hereby given that the City Council of Penang Island has prepared a new Valuation List year 2020 and that a copy thereof may now be inspected during office hours at the Valuation & Property Management Department, City Council of Penang Island, Level 12, KOMTAR, 10675 Penang.*

Bertarikh 23 Ogos 2019

*Dated 23 August 2019*

[MBPP/PNH/SNB/2020; PUNPP 352/100/1/2/EA/52]

DATO' AR YEW TUNG SEANG  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Pulau Pinang/*  
*Mayor*  
*City Council of Penang Island*

**No. 955.**MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG  
SENARAI NILAIAN BARU TAHUN 2020*CITY COUNCIL OF PENANG ISLAND  
NEW VALUATION LIST YEAR 2020*

Menurut subseksyen 141(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan ini memberitahu bahawa Senarai Nilai Baru tahun 2020 telah disediakan dan ianya akan disemak pada 29 Oktober 2019.

2. Menurut subseksyen 142(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976, seseorang yang terkilang dengan mana-mana alasan berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya ia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,

boleh membuat bantahan secara bertulis kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada bila-bila masa tidak kurang daripada empat belas hari sebelum 29 Oktober 2019.

*Pursuant to subsection 141(3) of the Local Government Act 1976 [Act 171], notice is hereby given that the City Council of Penang Island having prepared the new Valuation List year 2020 and it will be revised on 29 October 2019.*

2. *Pursuant to subsection 142(1) of the Local Government Act 1976, any person aggrieved with any of the following ground:*

- (a) *that any holding for which he is rateable is valued beyond its rateable value;*
- (b) *that any holding valued is not rateable;*
- (c) *that any person who, or any holding which, ought to be included in the Valuation List is omitted therefrom;*

*(d) that any holding is valued below its rateable value; or*

*(e) that any holding or holdings which have been jointly or separately valued ought to be valued otherwise,*

*may make an objection in writing to the Mayor, City Council of Penang Island at any time not less than fourteen days before 29 October 2019.*

Bertarikh 23 Ogos 2019

*Dated 23 August 2019*

[MBPP/PN/SNB/2020; PUNPP 352/100/1/2/EA/52]

DATO' AR YEW TUNG SEANG  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Pulau Pinang/*  
*Mayor*  
*City Council of Penang Island*

**No. 956.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Chew Choon Teik (No. K/P: 660722-07-5033) dan Teh Wee Kim (No. K/P: 730115-07-5454) yang beralamat di Block 9-11-02, Sri Angsana, Lebuhr Relau 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut, Tingkat 50, KOMTAR, Pulau Pinang pada 24 September 2019 pukul 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—9450. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2193/M1/12/169. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—357/2006.

Bertarikh 15 Ogos 2019  
[PTTL/PP/PDN/633(6)]

RAFIDAH BINTI ZAINAL HASSAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Timur Laut*  
*Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA